

# Pelajar Bumiputera di luar negara kurang

20 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh dan  
Magendran Rajagopal

SHAH ALAM, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kenapa kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dijadikan isu apabila ramai Bumiputera berjaya dipilih pada tahun ini berdasarkan sistem merit.

Sedangkan, kata Perdana Menteri, jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera di universiti tempatan dan luar negara masih terlalu kecil berbanding bukan Bumiputera.

“Anda mesti ingat, keseluruhan penuntut universiti dalam negeri, luar negara, swasta dan awam, kita dapati peratusan Bumiputera amat kecil. Contohnya, pelajar kita di Amerika Syarikat berjumlah 17,000, tetapi Bumiputera

---

**Dr M arah parti komponen  
'serang' pembangkang – Muka 2**

---

cuma 800.

“Itu pun (pelajar Bumiputera) yang mendapat tajaan daripada kerajaan kerana mereka tak mampu untuk pergi sendiri... tapi tak ada siapa pun complain (merungut),” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC ke-56 di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas desakan pelbagai pihak termasuk MIC supaya sistem merit dikaji semula berikutan pengurangan mendadak pelajar bukan Bumiputera terutama India, yang berjaya ke IPTA.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera seperti yang diamalkan sebelum ini.

Bagaimanapun, tahun ini daripada 2,500 pelajar India yang layak untuk memasuki IPTA, hanya 1,500 pelajar diberi tempat mengikut sistem merit.

Dr Mahathir menjelaskan, apa yang berlaku sekarang ialah peratusan kemasukan Bumiputera ke IPTA meningkat secara mendadak apabila sistem merit

**LHAT MUKA 2**